

MAJLIS PENUTUP KURSUS PERALIHAN KOMANDER PESAWAT NURI SIRI 1572/17 DAN KURSUS KUARTERMAS TER UDARA SIRI 30/16

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2732-majlis-penutup-kursus-peralihan-komander-pesawat-nuri-siri-1572-17-dan-kursus-kuartermas-ter-udara-siri-30-16

BUTTERWORTH, 28 Nov 17 - No 3 Skuadron telah melaksanakan Majlis Penutup Kursus Peralihan Komander Pesawat Nuri Siri 1572/17 dan Kursus Kuartermas Ter Udara Siri 30/16. Majlis telah disempurnakan oleh Pemangku Komander Pangkalan Butterworth, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM dan turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah No 3 Skuadron, YBhg Lt Kol Zulkifly bin Abdullah TUDM dan Pegawai Memerintah Tim Nukleus Rejimen 882 Pasukan Udara Tentera Darat, Lt Kol Mohd Shahril bin Abu Bakar.

Seramai 7 orang pelatih yang terdiri dari 3 pegawai No 3 Skuadron, 3 pegawai dari No 7 Skuadron dan seorang pegawai dari Rejimen 882 PUTD telah berjaya menamatkan Kursus Peralihan Komander Pesawat Nuri, manakala seramai 15 pelatih terdiri dari 13 orang anggota dari TUDM dan 2 anggota dari Rej 882 PUTD telah berjaya menamatkan Kursus Kuartermas Ter Udara dengan jayanya.

